



LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa memohon untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

BIL	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI	TARAF JAWATAN
1	PENOLONG JURUTERA	JA29	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	TETAP/KONTRAK
2	PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM)	JA19	PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN	TETAP/KONTRAK
3	PEMBANTU LAUT	A19	PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN	TETAP/KONTRAK

1. PENOLONG JURUTERA - (GRED JA29)

- (a) Badan Berkanun: Lembaga Pembangunan Tioman
- (b) Kumpulan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (c) Jadual Gaji :

Gaji Minimum : RM1,549.00
Gaji Maksimum : RM5,701.00

- (d) Elaun:-
Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM160.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Bantuan Sara Hidup : RM150.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan jawatan ini hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari *18 tahun* pada tarikh tutup iklan jawatan;

Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah: RM1,549.00); atau

- (d) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah : RM1,935.00).

- (e) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. PELUKIS PELAN (KEJURUTERAAN AWAM) - (GRED JA19)

- (a) Badan Berkanun: Lembaga Pembangunan Tioman
- (b) Kumpulan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (c) Jadual Gaji :

Gaji Minimum : RM1,377.00
Gaji Maksimum : RM4,052.00

- (d) Elaun:-
Imbuan Tetap Khidmat Awam : RM115.00
Imbuan Tetap Perumahan : RM300.00
Bantuan Sara Hidup : RM150.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta serta Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual, Lukisan Geometri atau Lukisan Kejuruteraan pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah: RM1,377.00);
atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah: RM1,435.12)
atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah: RM1,493.24).

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. PEMBANTU LAUT (GRED A19)

- (a) Badan Berkanun: Lembaga Pembangunan Tioman
- (b) Kumpulan : Pelaksana Perkhidmatan

(c) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	: RM1,362.00
Gaji Maksimum	: RM4,034.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,362.00);
atau

- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,362.00);
atau

- (iii) *Mate On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,420.12);
atau

- (iv) *Engineer Officer Of Less Than 750 Kw On Domestic and Near Coastal Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,420.12);
atau

- (v) *Master On Ships Of Less Than 500 GT On Domestic Trade Voyages* atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,478.24);
atau

- (vi) *Officer In Charge Of Navigational Watch Less Than 500 GT Near Coastal Trade Voyages* atau kelayakan yang diktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah: RM1,536.36).

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERCUBAAN DAN LATIHAN

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun dan Pegawai dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan.

CARA-CARA MEMOHON

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan, LPT/PJT/1/797 yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman Tanjung Gemok dan Pejabat Lembaga Pembangunan Tioman di Pulau Tioman atau dengan memuat turut borang yang terdapat di dalam laman sesawang www.tioman.gov.my.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan Salinan Sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan, Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran yang telah **DISAHKAN**.
- (c) Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.

KENYATAAN AM

- (a) Hanya pemohon yang melepasi tahap lapisan akan dihubungi untuk ditemuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Borang Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan sebelum atau pada **20 Mei 2016** kepada:

**Pengurus Besar
LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN
No. 1 & 2
Jalan Endau Rompin
Tanjung Gemok
26820 Rompin
Pahang Darul Makmur**